



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

11 JULAI 2014

KENYATAAN MEDIA PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA, YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED BERHUBUNG PROJEK KONSESI PEMBINAAN ENAM KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM).

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menyambut baik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low yang mahu kerajaan mendedahkan enam projek konsesi pembinaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang diberikan secara rundingan terus kepada umum.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pendedahan mengenai projek konsesi berkenaan kepada umum adalah langkah paling tepat dan wajar yang perlu dilakukan bagi mengelakkan berlaku persepsi negatif di kalangan rakyat bahawa kerajaan terus mengamalkan unsur kronisme dalam pemberian projek-projeknya.

Katanya, walaupun, kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar sudah memberikan penjelasan mengapa projek berkenaan yang dilaksanakan secara Inisiatif Pembentukan Swasta (PFI) tetapi ia masih gagal menjawab pelbagai persoalan terutama sekali mengapa ia perlu dilakukan secara rundingan terus.

“Pada masa sama, pendedahan Ahli Parlimen Pandan mengenai pemberian projek UiTM berkenaan secara rundingan terus kepada syarikat yang mempunyai pengaruh di kalangan ahli sebuah parti serta berjawatan dalam Kabinet jelas memberikan gambaran kemungkinan wujudnya unsur kronisme serta salah guna kuasa. “Ini langsung tidak menggambarkan apa yang digariskan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) yang mahu menghapuskan kaedah pemberian projek kerajaan secara rundingan terus,” katanya di sini, semalam.

Nur Jazlan berkata, tidak ada salahnya, enam projek pembinaan UiTM dilakukan mengikut PFI tetapi yang menimbulkan keraguan adalah mengapa ia dilakukan secara rundingan terus.

Disebabkan itu, katanya, timbul pelbagai persoalan sama ada kepentingan kerajaan dan rakyat benar-benar dipelihara selain ia mendapat nilai sebenar atau ‘value for money’ apabila projek berkenaan dilakukan secara rundingan terus.

“Walaupun, projek itu dilakukan secara PFI, ia masih boleh dilakukan secara tender terbuka bagi membolehkan kerajaan melihat keupayaan syarikat yang akan melaksanakannya secara keseluruhan terutama sekali daripada aspek kewangan serta pengalaman,” katanya.

Selain itu, Nur Jazlan turut mahu kerajaan berhati-hati dengan pelaksanaan projek menggunakan kaedah PFI kerana sudah wujud banyak bukti, kerajaan terpaksa menjadi ‘penyelamat’ apabila syarikat swasta yang diberikan tanggungjawab melaksanakannya gagal berikutan wujud pelbagai masalah.

“Contoh terbaik adalah projek *Mass Rapid Transit* (MRT) yang bernilai hampir RM40 billion pada mulanya diumumkan secara PFI tetapi akhirnya, kerajaan yang terpaksa melaksanakannya dengan menubuhkan syarikat MRT Corp,” katanya.